

## Tengku Ali, British dan Takhta Terengganu

NIK ANUAR NIK MAHMUD

Semasa Tanah Melayu ditakluk oleh Jepun, pihak berkuasa British di London merancang untuk menjadikan Negeri-negeri Melayu sebagai tanah jajahannya melalui skema Malayan Union atau Kesatuan Tanah Melayu. Menyedari Raja-raja Melayu akan menentanginya, pihak berkuasa British memutus untuk menggunakan paksaan bagi melaksanakan rancangan itu. Setelah British kembali ke Tanah Melayu selepas tamatnya perang, dua orang raja Melayu telah diturunkan takhta. Salah seorang daripadanya ialah Tengku Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, Sultan Terengganu (1942-1945).

### TERENGGANU BENTENG TERAKHIR KETUANAN MELAYU

Awal abad ke-20 merupakan tempoh yang paling mencabar bagi negeri Terengganu. Statusnya sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat telah tercabar apabila Kerajaan Siam, tanpa terlebih dahulu berunding dengan Sultan Zainal Abidin ke-III, telah menyerahkan hak naungan terhadap negeri Terengganu kepada British melalui perjanjian Bangkok (1909).<sup>1</sup> Tindakan kerajaan Siam itu telah dibantah oleh Sultan Zainal Abidin III. Bagaimanapun, baginda tidak mempunyai pilihan dan terpaksa memeterai perjanjian dengan British pada 22 April 1910.<sup>2</sup>

Walaupun negeri Terengganu telah menjadi negeri naungan British, perjanjian 22 April 1910 masih mengakui Terengganu sebagai sebuah negeri Melayu Islam yang merdeka. Dalam usaha untuk mempertahankan kedaulatan negeri Terengganu, Sultan Zainal Abidin III telah menggubal sebuah perlembagaan yang dikenali sebagai Undang-Undang Diri bagi Negeri Terengganu pada tahun 1911.<sup>3</sup> Di samping mengukuhkan kedudukan Yang diPertuan, undang-undang itu juga bertujuan untuk mempertahankan keutuhan dan kedaulatan Negeri Terengganu.<sup>4</sup>

Sultan Zainal Abidin III telah mangkat pada 26 November 1918. Tengku Muhammad Syah, Yang diPertuan Muda, telah dilantik sebagai

Sultan Terengganu. Perlantikan Tengku Muhammad Syah sebagai Sultan ternyata kurang disenangi oleh pihak British.<sup>5</sup> Walaupun Tengku Muhammad Syah telah memeterai perjanjian dengan British pada 24 Mei 1919 yang membolehkan seorang pegawai British dilantik sebagai Penasihat untuk berkhidmat di Terengganu,<sup>6</sup> tetapi baginda enggan tunduk di bawah telunjuk pegawai British tersebut. Keadaan ini menyebabkan hubungan antara Sultan Muhammad Syah dengan Penasihat British, J.L. Humphreys menjadi buruk. Pada tahun 1919, kerajaan British telah mendesak baginda supaya turun takhta.<sup>7</sup> Sultan Muhammad tidak mampu untuk menghadapi tekanan itu. Pada 11 Mei 1920, baginda terpaksa menurut kehendak British dan turun dari takhta. Dindanya, Tengku Sulaiman Badrul Alam Syah telah ditabalkan sebagai Sultan Terengganu yang baru.

Berbanding dengan Tengku Muhammad Syah, Tengku Sulaiman mempunyai perwatakan yang lemah. Pihak British telah mengambil kesempatan daripada kelemahan Sultan Sulaiman untuk mengukuhkan lagi pengaruhnya di Terengganu.<sup>8</sup> Dengan itu tidaklah menghairankan apabila pada tahun 1928 rakyat Terengganu di bawah pimpinan Tuan Guru Haji Rahman Limbong telah bangkit memberontak.<sup>9</sup> Pada 8 Disember 1941, Jepun telah menyerang Tanah Melayu. Pihak British cuba mempengaruhi Sultan Sulaiman supaya berundur bersamanya ke Singapura. Nasihat British itu bagaimanapun telah ditolak oleh baginda dengan alasan baginda dihalang daripada meninggalkan negeri mengikut fasal ke-14 *Undang-Undang Diri bagi Negeri Terengganu* (1911). Kegagalan British untuk mempertahankan Terengganu seperti yang termaktub dalam perjanjian 1919 amat mengecewakan Sultan Sulaiman. Pada 10 Disember 1942 tentera Jepun telah menguasai Terengganu sepenuhnya.

Pada 7 Januari 1942, pihak berkuasa tentera Jepun telah mengambilalih pentadbiran negeri Terengganu.<sup>10</sup> Pada 18 Mac 1942 *Manabu Kuji* telah memegang jawatan Gabenor Tentera atau *Syuciji* bagi negeri Terengganu. Di bawah pentadbiran Tentera Jepun, bidang kuasa Sultan terhad kepada urusan agama Islam dan adat-istiadat Melayu sahaja. Pada 7 Mei 1942, jawatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan telah dihapuskan.

Sementara itu, pada 29 Januari 1942, Sultan Sulaiman, selepas berunding dengan Jumaah menteri dan ahli-ahli Mesyuarat Negeri, telah melantik Tengku Ali, putera sulungnya sebagai Yang diPertuan Muda dan bakal Sultan.



## PERLANTIKAN TENGKU ALI SEBAGAI SULTAN

Pada 24 September 1942, Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah telah mangkat. Menurut adat istiadat Raja Melayu Terengganu, seorang pengganti Sultan hendaklah dilantik sebelum jenazah Almarhum dimakamkan. Mengikut Fasal satu *Undang-Undang Diri bagi Negeri Terengganu* (1911), waris yang layak untuk mewarisi tahta adalah seperti berikut:

2. Waris Ganti - iaitu yang dibakal ganti Raja yakni Yang Amat Mulia 'Yang diPertuan Muda'
3. Waris yang pertama - iaitu putera Raja yang tidak dan belum dibakal akan dia.
4. Waris yang kedua - iaitu kerabat2 yang terlebih hampir kepada Sultan itu sekiranya ketiadaan waris yang pertama ialah akan ganti.'<sup>11</sup>

Berdasarkan Fasal Satu tersebut, Tengku Ali merupakan calon yang paling layak untuk menggantikan ayahandanya kerana beliau adalah Yang di Pertuan Muda Terengganu dan bakal sultan. Setelah mendapat persetujuan Majlis Kerabat Diraja dan Jumaah Majlis Mesyuarat Negeri, Tengku Ali telah dilantik sebagai pengganti Sultan di hadapan jenazah ayahandanya dengan disaksikan oleh pembesar-pembesar negeri, kerabat diraja dan rakyat jelata pada 26 September 1942.<sup>12</sup> Majlis pengisytiharan tersebut telah dirasmikan oleh Datok Bija Sura Sheikh Hassan bin Said Al-Yamani, iaitu Ketua Hakim dan Pengerusi Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu. Perlantikan Tengku Ali sebagai Sultan Terengganu telah disahkan oleh Pentadbiran Tentera Jepun pada 30 September 1942.<sup>13</sup> Dalam ucapan penerimaan perlantikan itu, Tengku Ali, antara lain, menyatakan:

Tuan-tuan sekalian sudah termaklum bahawa Seri Paduka ayahanda saya yang dikasihi al-Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah telah mangkat (kembali ke rahmatullah) maka dengan kehendak Tuhan yang maha berkuasa telah dilantik akan saya pengganti Al-marhum Seri Paduka ayahanda saya itu menjadi Sultan bagi negeri Terengganu sebagaimana disahkan oleh surat akuan Tuan Terutama Syuchokan yang disampaikan kepada saya.<sup>14</sup>

Perlantikan Tengku Ali sebagai Sultan kemudiannya telah diwartakan dalam *Warta Kerajaan Terengganu* Bil. 14 bertarikh 15 Oktober 2602

(1942).<sup>15</sup> Sebagai seorang Sultan, Tengku Ali telah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa Jepun untuk menggunakan Cap Sultan yang dicatitkan *Al-Watik billah al-Sultan Terengganu*. Ketika dilantik sebagai pengganti ayahandanya, Tengku Ali berusia 27 tahun.<sup>16</sup>

Perlantikan Tengku Ali sebagai Sultan tidak direstui oleh sesetengah pembesar dan pegawai kerajaan negeri, termasuk Dato Jaya Perkasa Che Da Omar Mohamad, iaitu bekas Setiausaha Kerajaan Negeri. Beliau juga dilaporkan tidak hadir dalam majlis pertabalan itu dengan alasan 'uzur'.<sup>17</sup> Namun demikian punca-punca yang menyebabkan Dato Jaya Perkasa dan beberapa orang pegawai kerajaan kurang bersetuju dengan perlantikan Tengku Ali sebagai Sultan tidak dapat diketahui dengan jelas. Bagaimanapun, mengikut Dato Jaya Perkasa, Tengku Ali mempunyai beberapa 'kelemahan' (disabilities).<sup>18</sup>

Pegawai-pegawai berkenaan telah mengadakan perjumpaan dengan Dato Jaya Perkasa mengenai perlantikan Tengku Ali sebagai Sultan. Dato Jaya Perkasa bagaimanapun menasihatkan pegawai-pegawai tersebut supaya 'to wait and see how Tungku conducted themselves'.<sup>19</sup> Dato Jaya Perkasa berjanji akan mengkaji kedudukan Tengku Ali sebagai Sultan apabila British kembali berkuasa. 'His advice was written out by one of the leading Malays and put before a representative assembly of Malay notables'.<sup>20</sup>

Pada 20 Ogos 1943, Negeri Terengganu telah diserahkan kepada Thailand.<sup>21</sup> Pada 18 Oktober 1943, pentadbiran Tentera Thai telah diwujudkan di Terengganu di bawah tanggung jawab seorang Pesuruhjaya Tentera. Berbeza dengan dasar pentadbiran Jepun, kerajaan Thai membuka semula Majlis Mesyuarat Negeri atau *Montri Spa*. Justeru, Sultan Ali telah melantik ahli Jumaah Menteri dan ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Sultan Ali telah melantik Dato Jaya Perkasa Che Da Umar sebagai Menteri Besar Terengganu mulai 28 November 1943. Perlantikan Menteri Besar dan ahli-ahli Jumaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri telah direstui oleh pihak berkuasa Thai.

Perlantikan Dato Jaya Perkasa sebagai Menteri Besar bagaimanapun tidak juga mengubah sikap prejudisnya terhadap Tengku Ali. Dengan itu, tidaklah menghairankan apabila perang tamat pada bulan Ogos 1945, Dato Jaya Perkasa telah membuat pakatan dengan pihak British untuk menjatuhkan Tengku Ali sebagai Sultan Terengganu.



## DASAR BRITISH TERHADAP RAJA-RAJA MELAYU

Peperangan Dunia Kedua tamat pada 15 Ogos 1945. Pada bulan berikutnya, tentera British telah tiba di Tanah Melayu dan sebuah Pentadbiran Tentera British atau *British Military Administration* (BMA) telah diwujudkan di bawah tanggungjawab seorang *General Officer Commanding the Military Force Malaya*.<sup>22</sup> Untuk membantu pentadbiran Tanah Melayu, tiap-tiap negeri telah diletakkan di bawah pentadbiran *Senior Civil Affairs Officer*. Pada masa Pentadbiran Tentera British, kuasa Raja-Raja Melayu dan Majlis Mesyuarat Negeri telah dibekukan.

Pada ketika itu kerajaan British telah membuat keputusan untuk menyusun semula bentuk pentadbiran di negeri-Negeri Melayu berdasarkan perlembagaan Malayan Union yang akan mencantumkan Negeri-Negeri Melayu dan dua buah negeri Selat, kecuali Singapura, di bawah tanggung jawab seorang Gabenor. Menerusi perlembagaan ini, Negeri-negeri Melayu akan menjadi tanah jajahan British yang secara tidak langsung menghapuskan Kedaulatan Raja-Raja Melayu. Rancangan British ini bagaimanapun tidak mungkin akan dapat dilaksanakan sekiranya raja-raja Melayu tidak bersetuju untuk menyerahkan kuasa mereka kepada kerajaan British. Bagi mengatasi masalah ini, seorang pegawai kanan British di Pejabat Tanah Jajahan, H.R. Hone mencadangkan supaya kerajaan British menyingkir atau membuang negeri mana-mana raja Melayu yang tidak akur dengan kehendak British.<sup>23</sup> Tegas Hone lagi:

In the early stages of the re-occupation we may find that some, at least, of the Sultans will be nervous of the reception they will get from us on account of their conduct during the Japanese occupation. Indeed we may find that in any case certain Rulers may have to be deposed on account of treacherous behavior. The removal of even one such Sultan upon re-occupation may reduce the others to a state of mind which will facilitate the negotiation of new treaties.<sup>24</sup>

Jemaah Menteri Kerajaan British menerima cadangan Hone itu. Justeru kerajaan British telah mengeluarkan arahan kepada Lord Louis Mountbatten, iaitu Ketua Turus Tertinggi Angkatan Bersenjata Kuasa Berikat supaya menyiasat perilaku raja-raja Melayu semasa perang.<sup>25</sup> Raja-raja Melayu telah dibahagikan kepada tiga ketegori, iaitu:

- (i) Raja-raja yang sedia ada.

- (ii) Raja-raja boneka yang telah dilantik oleh pihak Jepun dengan menurunkan Raja-raja yang sedia ada.
- (iii) Raja-raja yang dilantik oleh Jepun berikutan kemangkatan raja pemerintah.<sup>26</sup>

Raja yang didapati bersubahat dengan Jepun akan disingkir dari tahta dan selanjutnya akan didakwa sebagai penjenayah perang atau dibuang negeri. Kerajaan British juga memutuskan tidak akan mengiktiraf mana-mana raja yang ditabalkan semasa perang. Dalam tempoh penyiasatan itu, raja-raja Melayu tidak akan dibenarkan keluar dari istana atau bermesyuarat dengan pembesar-pembesar mereka malahan raja-raja Melayu juga tidak dibenarkan mengibarkan bendera rasmi di perkarangan istana mereka.

Brigadier H.C. Willan, *Deputy Civil Affairs Officer, Malay Peninsula*, telah ditugaskan untuk menyoal siasat raja-raja Melayu tersebut. Beliau telah diberi kuasa untuk menahan serta menyingkir mana-mana raja Melayu yang didapati 'actively collaborated with enemy or have acted or spoken against the Allied cause'.<sup>27</sup> Antara raja-raja Melayu yang menjadi sasaran British ialah Tengku Musa-eddin, Sultan Selangor,<sup>28</sup> Syed Hamzah, Raja Perlis,<sup>29</sup> dan Tengku Ali, Sultan Terengganu.

## KOMPLOT MENJATUHKAN TENGGU ALI

Negeri Terengganu telah diletakkan di bawah pentadbiran tentera yang diketuai oleh Lt. Col D. Headley, yang memegang jawatan *Senior Civil Affairs Officer* (SCAO). Beliau merupakan seorang bekas pegawai Force 136 dan telah pun berada di Terengganu sejak tiga bulan sebelum perang berakhir.

Kehadiran British di Terengganu telah memberi kesempatan kepada Dato Jaya Perkasa untuk menyingkirkan Tengku Ali sebagai Sultan Terengganu seperti yang dirancang. Dato Jaya Perkasa mendakwa bahawa Tengku Ali mempunyai perilaku yang tidak setimpal dengan statusnya sebagai seorang Raja. Beliau menegaskan bahawa 'if the British had been in Terengganu and could have seen how Raja Ali behaved they would have for one moment allowed him to be considered for the position of Sultan'.<sup>30</sup>

Antara perilaku yang menimbulkan perasaan tidak puas hati beliau ialah dakwaan bahawa kononnya Tengku Ali 'have married a Malay prostitute....'<sup>31</sup> Tengku Ali juga didakwa sebagai seorang yang pro-Jepun. Beliau didakwa 'had given several parties in the Astana to



Japanese officers'.<sup>32</sup> Atas sebab-sebab itu, Dato Jaya Perkasa mencadangkan supaya kerajaan British memecat Tengku Ali dan menabalkan Tengku Seri Paduka sebagai Sultan Terengganu. Dato Jaya Perkasa mendakwa bahawa 'the feelings of the people of Trengganu is that they would like Tungku Paduka the late Sultan's younger brother, who speaks English, to be Sultan. He is very much respected by everybody in Trengganu'.<sup>33</sup>

Pada 29 September 1945, Brigadier H.C. Willan, *Deputy Civil Affairs Officer, Malay Peninsula*, telah tiba di Terengganu.<sup>43</sup> Headley telah memaklumkan kepada Willan tentang dakwaan Dato Jaya Perkasa mengenai perilaku Tengku Ali serta sikapnya yang pro-Jepun serta cadangan supaya Tengku Seri Paduka Tengku Ismail dilantik sebagai Sultan. Bagaimanapun Headley mengakui bahawa sekiranya Tengku Seri Paduka dilantik sebagai Sultan pasti 'it would not be in accordance with the "adat".<sup>34</sup> Mengikut Headley lagi, 'In Trengganu it appears that the succession between the Sultanate goes from father to son. Thus if Ali were passed over Aziz would be the next claimant'.<sup>35</sup>

Willan kemudiannya telah dibawa oleh Headley berjumpa dengan Dato Jaya Perkasa. Berikut ialah catatan perbualan antara Willan dengan Dato Jaya Perkasa:

Dato Jaya began by saying how pleased he and the other Malays are that Col. Headley is back again in Trengganu because he knows Trengganu and its people intimately.

He went to say that when Tungku Ali was installed as Sultan on the 25th September, 1942, he, the Dato Jaya, was ill.

The Japanese (sic. Malay) custom was that if a Sultan died his eldest son, where there was one, must succeed despite any disabilities.

After Tungku Ali was installed as Sultan the leading Malays sought Dato's advice as to what should be done. He advised that Tungku Ali should be given a trial. His advice was written out by one of the leading Malays and put before a representative assembly of Malay notable. They agreed with the Dato's advice.

According to Dato Jaya many of the younger Malays in Trengganu were opposed to the appointment of Tungku Ali as Sultan. Dato Jaya advised them to wait and see how Tungku Ali conducted himself.<sup>36</sup>

Mengenai sikap Tengku Ali yang pro-Jepun, Dato Jaya Perkasa mendakwa bahawa:

Ali on several occasions asked some Japanese Military Officers for presents such as cigarettes and other comforts. This is against the 'adat' that no Sultan should ever ask for presents. Tungku Ali was extremely friendly with the Japanese and invited several of the Japanese Military Police Officers to banquets at the Astana where ronggengs were held'.

Dato Jaya also stated that Tungku Ali had reported those Malay officials who were pro-British.

Tungku Ali is heavily in debt. He took possession of a piece of open ground in the town of Kuala Trengganu which he had fenced and then leased it out to a Chinese for \$6,000 at first, later \$10,000 per month as an amusement park. Heavy gambling took place there every night.<sup>37</sup>

Pada jam 1.55 tengah hari, Willan telah memanggil Tengku Ali berjumpa dengannya di Istana Maziah. Panggilan Willan itu mencemaskan Tengku Ali.

Saya mula rasa tidak sedap. Tambahan pula saya mendapat tahu Dato Jaya Perkasa telah pun berada bersama-sama pembesar Inggeris itu. Bagaimanapun tepat pukul 2.00 petang saya tiba di Istana Maziah.<sup>38</sup>

Temu bual itu berlangsung selama 15 minit sahaja. Dalam pertemuan itu, Willan memaklumkan kepada Tengku Ali tentang keputusan kerajaan British untuk tidak mengiktiraf baginda sebagai Sultan. Dengan keputusan itu, Tengku Ali telah diminta 'take down the Sultan's personal flag which he was then flying at his house and also on his motor car'.<sup>39</sup> Seterusnya, Willan memaklumkan bahawa beliau juga akan menyiasat tentang dakwaan perilaku baginda semasa perang. Sehubungan dengan elaan, Willan menegaskan bahawa 'in no circumstances would he receive an allowance equivalent to that of a Sultan'.<sup>40</sup> Seterusnya, Willan mencatat,

I asked him what the position was in 1941 with regard to his allowance. He said he received a political pension of \$270 a month and worked as a learner in the court in Kuala Trengganu on a salary of \$75 per month making \$345 a month in all.

I told him he should continue to live in the house in which he is at present living and that we would allow him not more than 5 servants which would be paid for by the Senior Civil Affairs Officer. His light and water would



be supplied free and that his only expenses would be food and clothing. I said that in my view an allowance of \$450 a month was sufficient which is the \$345 he was getting in 1941 plus an extra \$33 on it. I informed him that this allowance of \$450 a month would be paid from the 1st September, 1945.<sup>41</sup>

Menceritakan pengalamannya singkatnya dengan Willan, Tengku Ali menulis:

Saya terkejut mendengar kata-kata Headly. Bagaimanapun, saya cuba mengawal perasaan. Tanpa bercakap sepatah pun dengannya, saya bergegas pulang ke Istana Telaga Panchur.

Semalaman saya tidak dapat tidur kerana memikirkan apa yang disebutkan oleh Headly (Willan?) Dato Jaya Perkasa juga tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan pandangannya tentang hal ini.<sup>42</sup>

Selepas selesai menjalankan tugasnya di Terengganu, Willan berangkat pulang ke Kuala Lumpur.

Pada 3 November 1945, Sir Harold MacMichael,<sup>43</sup> wakil khas kerajaan British ke Tanah Melayu, telah menghantar Brigadier A.T. Newbould ke Terengganu sebagai pemerhati semasa upacara pertabalan Sultan baru. Pada 5 November 1945, 13 orang kerabat diraja dan pembesar Terengganu telah mengadakan mesyuarat di Istana Maziah. Mesyuarat itu yang dibuat tanpa pengetahuan Tengku Ali telah mengambil ketetapan untuk menurunkan baginda daripada tahta.

Newbould berpuas hati dengan keputusan itu dan seterusnya memaklukkannya kepada MacMichael. Pada 10 November 1945, MacMichael telah memaklumkan kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British tentang pemecatan Tengku Ali dengan alasan 'unsuitability', seperti yang didakwa oleh Dato Jaya Perkasa, iaitu:

- (a) His behaviour over prostitute whom he married, divorced and married again in defiance of tenets of Mohammedan religion,
- (b) His behaviour with dancing girls,
- (c) His medical history - he suffers from syphilis and epileptic fits,
- (d) Lack of confidence in him of Malay peasantry,
- (e) Impossibility of any religious-minded Malay placing confidence

in him as religious leader in view of his own violation of Mohammedan Laws.<sup>44</sup>

MacMichael juga menasihati Setiausaha Tanah Jajahan supaya mengiktiraf perlantikan Tengku Ismail sebagai Sultan Terengganu yang baru dengan dua alasan. Pertama, perlantikan Tengku Ismail sebagai Sultan telah dibuat mengikut adat, dan keduanya, Tengku Ismail ialah calon yang sesuai 'on grounds both of intelligence and pro-British sympathies.'<sup>45</sup>

A. Creech-Jones, Setiausaha British bagi Tanah Jajahan, telah bersetuju dengan perlantikan Tengku Ismail sebagai Sultan Terengganu bagi menggantikan Tengku Ali kerana tindakan tersebut telah dibuat mengikut prosedur.<sup>46</sup> Sebaik sahaja menerima persetujuan daripada Setiausaha bagi Tanah Jajahan British, Kol. Headley telah mengarahkan Dato Jaya Perkasa supaya mengadakan majlis perisytiharan perlantikan Tengku Ismail sebagai Sultan Terengganu yang baru. Dengan itu, pada 16 Disember 1945, majlis pengisytiharan tersebut telah diadakan.

Seorang pemerhati pada ketika itu menganggap penyingkiran Tengku Ali telah dilakukan secara kurang sopan. Katanya:

Pemberhentian Tengku Ali sebagai Sultan Terengganu yang dibuat di hadapan khalayak ramai tidak sesuai dengan adat istiadat raja jikalau ada kesilapan dan kesalahan besar. Sepatutnya diperjalankan maksud pemberhentian dengan sulit dengan dipohon ia supaya menarik diri. Cara ini adalah lebih afdal daripada apa yang telah dibuat.<sup>47</sup>

Sungguhpun majlis pengisytiharan telah berlangsung, namun pihak British masih belum lagi mengiktiraf Tengku Paduka Ismail sebagai Sultan yang sah. Pada 20 Disember 1945, Newbould telah mengadap Sultan Ismail di Istana Maziah untuk mendapatkan persetujuan sultan mengenai rancangan Malayan Union.<sup>48</sup> Sultan Ismail agak keberatan pada awalnya untuk menandatangani dokumen itu kerana baginda sedar bahawa tindakannya itu adalah bercanggah dengan Undang-Undang Diri bagi Negeri Terengganu yang tidak membenarkan Sultan bertindak bersendirian untuk menyerahkan negeri kepada mana-mana kuasa. Fasal XIV Undang-Undang Diri bagi Negeri Terengganu menjelaskan bahawa:

Maka tiada lulus dan tiada sah sekali2 Raja membuat perjanjian atau ikhtiar melepas atau menyerahkan negeri dan kerajaannya atau suatu bahagian daripada kuasa kerajaan atau haknya itu kepada sebarang mana2 kerajaan atau kepada kuasa2 bangsa Eropah atau lainnya.

Maka jika Raja cuba lalui larangan dan tegahan itu nescaya



disifatkanlah akan dia memecahkan amanah yang diletakkan atasnya serta tiada sah perbuatan yang demikian itu.

Maka taktakala itu tiadalah diwajibkan di atas ahli2 kerajaan dan segala rakyat bersetia lagi dengan dia haruslah diturunkan dia daripada tahta kerajaannya dan diangkat gantiannya pula.<sup>64</sup>

Bagaimanapun, Dato Jaya Perkasa menasihati Sultan Ismail supaya menandatangani perjanjian itu kerana menurutnya perkara tersebut tidak bercanggah dengan *Undang-Undang Diri bagi Negeri Terengganu*. Persoalannya, tegas Dato Jaya, ialah 'Was Trengganu prepared to trust His Majesty's Government by signing the new agreement?'<sup>50</sup> Pada pandangan Dato Jaya Perkasa, 'Clause 14 of the Constitution was meant to stop a Sultan from selling (as Singapore Island was sold years ago) leasing or pawning the State to any foreign State. That was not the purpose of the new Treaty.'<sup>51</sup> MacMichael pula menambah bahawa kerajaan British tidak pernah mengiktiraf Undang-Undang tersebut. Berpandukan nasihat itulah, Sultan Ismail akhirnya bersetuju untuk menandatangani dokumen tersebut. Nampaknya pihak British begitu terhutang budi kepada Dato Jaya Perkasa. Newbould, dalam laporannya kepada MacMichael, menyatakan bahawa,

The Dato Jaya has always been pro-British, ever since the early days when the practical application of such sentiments was highly unpopular and is doubly refreshing to find him occupying the chief post in the State, a reward for loyal service.'<sup>52</sup>

Selepas selesai upacara menandatangani perjanjian itu barulah MacMichael atas nama kerajaan British mengiktiraf Sultan Ismail sebagai Sultan Terengganu yang sah.

Pada 27 Disember 1945, akhbar harian *The Times* telah mengumumkan mengenai penyingkiran Tengku Ali dan perlantikan Tengku Paduka Raja Ismail sebagai Sultan Terengganu.

The Sultan of Trengganu, Tengku Ali, installed by the Japanese, has been deposed by the British, who have proclaimed as Sultan Tengku Peduka Raja, the younger brother of the late Sultan Suleiman, who died during the Japanese occupation. The new Sultan was until recently the presiding officer in the district court of Kuala Trengganu.<sup>53</sup>

Pada masa yang sama, tindakan raja-raja Melayu menandatangani perjanjian *Malayan Union* itu ternyata mengecewakan orang-orang

Melayu. Pada 1 Mac 1946, satu persidangan pertubuhan-pertubuhan Melayu telah diadakan di Kuala Lumpur untuk menyatupadukan tenaga orang Melayu. Wakil-wakil yang hadir telah bersetuju untuk menggabungkan pertubuhan-pertubuhan Melayu dalam sebuah gabungan yang dikenali *Kongres Melayu Se Malaya* dengan Dato Onn bin Jaafar, Menteri Besar Johor, sebagai pengerusinya. Kongres tersebut menganggap persetujuan raja-raja Melayu untuk menyerahkan kuasa mereka kepada kerajaan British sebagai tidak sah. Kongres juga telah meminta kerajaan British untuk menarik balik rancangan itu.

Sultan Ismail, seperti juga raja-raja Melayu lain, mula bimbang dengan arus kebangkitan rakyat. Baginda turut memprotes terhadap rancangan *Malayan Union*. Pada 3 Mac 1946, Sultan Ismail mengutus surat kepada A.T. Newbould merayu supaya rancangan *Malayan Union* dikaji semula untuk kepentingan dan masa depan bangsa Melayu:

We pray for his just treatment and for support from you, our friend, so that our views will be given proper consideration.<sup>54</sup>

#### MERAYU KEPADA BRITISH

Walaupun telah diturunkan tahta, Tengku Ali terus berusaha untuk mendapatkan kembali haknya sebagai seorang Sultan. Pada 25 Mac 1946, Tengku Ali telah mengirim telegram kepada Setiausaha bagi Tanah Jajahan kerajaan British dan merayu supaya kerajaan British membatalkan perlantikan Tengku Ismail sebagai Sultan dengan alasan bahawa perlantikan itu tidak sah kerana cara tersebut bertentangan dengan adat tempatan dan undang-undang. Telegram tersebut berbunyi:

TENGGU ALI SON OF LATE SULTAN SULAIMAN OF TRENGGANU INSTALLED AS SULTAN OF TRENGGANU IN SEPTEMBER 1942 INSTITUTES APPEALS ON THE INSTALLATION OF SULTANATE ON TENGGU PEDEKA RAJA AS SULTAN ISMAIL OF TRENGGANU SAID TO BE WITH CONSENT OF MINISTERS AND RELATIVES OF RULING HOUSE STOP PROCEDURE PURELY UNJUST AND IN CONTRAVENTION TO LOCAL CUSTOMS AND LAWS STOP - TENGGU ALI TRENGGANU'.<sup>55</sup>

Pada 15 Disember 1947, Tengku Ali sekali lagi mengemukakan rayuan kepada kerajaan British supaya mengiktirafnya sebagai Sultan yang sah kerana ia menepati kehendak Fasal Satu *Undang-Undang Diri bagi Negeri Terengganu* (1911) serta dibuat mengikut amalan adat-istiadat



raja-raja Melayu Terengganu. Antara asas-asas yang dikemukakan oleh Tengku Ali adalah seperti berikut:

(I) There was a proper and plenary consultation amongst the Malay Officers of the state and the Royal relatives'

(II) Sultan Ali was installed before the corpse of the deceased Ruler, which forms a compulsory Principle in the Muhammadan Law for such occasion.

(III) The installation of Sultan Ali takes the precedence over that of Tengku Seri Paduka Raja because he was the first installed of the two.<sup>56</sup>

Seterusnya, beliau berhujah bahawa ' the installation of Tengku Seri Paduka Raja is invalid under section I of the State Constitution, and is contradictory to the Customary Practice in the state as well as the religious principles'.<sup>57</sup> Tambahnya lagi:

...during the installation of Tengku Seri Paduka Raja there was no legal consultation made, There was then but a mere rally of the Malay officers and the distant relatives - and that too was but very few to hear the announcement of Tengku Bija Wangsa of the reasons of the rally, under an implied threat.

Sultan Ali was installed before the corpse of the deceased Ruler, which forms a compulsory Principle in the Muhammadan Law was such occasion, and there was as yet living a Chief Minister, whereas the installation of Tengku Seri Paduka Raja was conducted in the absence of both.<sup>58</sup>

Berasaskan hujah-hujah tersebut, Tengku Ali merumus bahawa:

The official proclamation of the 'Trengganu Chief Ministry' dated 16.12.45 is invalid because the resolution of the Cabinet and the State Council was not considered by the Monarch of the State, and hence could not take force.

The powers of the Trengganu Cabinet and the Trengganu State Council could not be impaired nor will they be cancelled by any proclamation of any Government except by the Order of the Sultan of Trengganu because both were constituted by the Authority of the Sultan of Trengganu under the State Constitution of Trengganu even if they could not function during the Military Rule of the state.

The State Constitution of Trengganu still remains unrevoked till today: its de jure power still remains in force.

If the Trengganu cabinet and the Trengganu State Council are affected by the Military Proclamations, then the installation of Tengku Seri Paduka Raja is invalid because they have not been officially reinstated evern since the Japanese Military proclamation in 1942.

The installation of Sultan Ali takes the precedence over that of Tengku Seri Paduka Raja because he was the first installed of the two.<sup>59</sup>

Tengku Ali juga turut merayu kepada A. Creech-Jones, Setiausaha bagi Tanah Jajahan, dan meminta Tengku Paduka dihalang daripada menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu sebelum persoalan mengenai tahta kerajaan negeri Terengganu diselesaikan.<sup>60</sup> Bantahan juga turut dikemukakan oleh Tengku Rashid<sup>61</sup> dan Tengku Ampuan Meriam, bonda kepada Tengku Ali.<sup>62</sup>

Bagaimanapun, kerajaan British tidak mengambil peduli terhadap rayuan dan bantahan Tengku Ali dan kaum kerabatnya. Pada pandangan British, perlantikan Tengku Ismail sebagai Sultan Terengganu adalah sah.<sup>63</sup> A. Creech-Jones, dalam suratnya kepada Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union, menulis:

I should be grateful if you would cause the persons concerned to be informed that I am not prepared to intervene in this matter.<sup>64</sup>

Tanpa bantuan dan sokongan daripada kerabat diraja dan para pembesar, kecuali Parti Kebangsaan Melayu Malaya Cawangan Terengganu, Tengku Ali tidak berupaya untuk menentang arus. 'Pihak British begitu berkuasa', tegasnya.<sup>65</sup> 'Kerabat-kerabat diraja, ahli-ahli Jemaah Pangkuan Negeri dan pembesar-pembesar negeri pun tidak menyebelahi saya. Mereka takut. Saya juga takut walaupun mahkota dan tahta itu sememangnya hak saya'.<sup>66</sup> Beliau menganggap kejatuhannya itu 'sebagai suratan takdir illahi'.<sup>67</sup>

## KESIMPULAN

Penyingkiran Tengku Ali sebagai Sultan Terengganu pada 5 November 1945 berpunca daripada pelbagai sebab. Pada lahirnya penyingkiran Tengku Ali disebabkan pendiriannya yang anti-British dan juga sebagai seorang yang 'actively collaborated with the enemy or have acted or spoken against the allied cause'.<sup>87</sup> Sungguhpun begitu, pada hakikatnya, penyingkiran Tengku Ali juga mempunyai kaitan dengan rancangan



British untuk menjajah Negeri-Negeri Melayu melalui rancangan Malayan Union. Pihak penjajah British sedar bahawa tidak semua raja-raja Melayu akan menyetujui rancangan itu lebih-lebih lagi Sultan Terengganu yang terkenal dengan sikapnya yang anti-British. Penyingkiran Tengku Ali dari tahta telah memaksa raja-raja Melayu lain mengubah pendirian dan akur kepada kehendak British. Nasib Tengku Ali bertambah malang apabila Menteri Besarnya sendiri, Dato Jaya Perkasa Che Da Omar Muhammad memihak kepada pihak berkuasa British. Seorang Pemerhati politik pada ketika itu beranggapan bahawa tindakan British dan para Pembesar menyingkirkan Tengku Ali itu sebagai 'cara yang tidak sopan'.<sup>68</sup> Walau apa pun yang berlaku terhadap dirinya, Tengku Ali masih menganggap penurunannya sebagai Sultan Terengganu pada tahun 1945 itu sebagai tidak sah kerana tindakan tersebut telah dilakukan tanpa mengikut adat. Beliau menganggap bahawa 'Kerabat-kerabat diraja dan pembesar-pembesar negeri (Jumaah Menteri) yang menurunkan saya telah terpedaya dengan permainan politik British. Saya memang tidak sukakan British, walaupun saya pernah belajar di Oxford.'<sup>69</sup>

1. W.G. Maxwell and W.S. Gibson, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, London, 1924.
2. Ibid.
3. Lihat Undang-Undang bagi Diri Negeri Trengganu (1911).
4. Lihat, Fasal XIV Undang-Undang bagi Diri Negeri Trengganu.
5. Lihat, Sultan of Trengganu: Report on conduct and proposals, dalam F.S. James kpd. Viscount Milner, Pejabat Tanah Jajahan British, 30 Disember 1919, CO 537/797.
6. W.G. Maxwell and W.G. Gibson, op. cit. hlm. 114.
7. Sehubungan dengan perkara ini, F.S. James, Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, dalam suratnya kepada Viscount Milner, mencadangkan supaya kerajaan British menyingkir Sultan Muhammad Syah atas alasan 'he has ignored the agreement on the 24th. May 1919, and that his conduct of official business and his general behaviour since his accession have shown him, in the opinion of His Majesty's Government, to be physically or mentally incapable of filling the position of Ruler'. Lihat, Sultan of Trengganu: Report on conduct and proposals, 30 Disember 1919, CO 537/797.
8. Mengikut Sir Arthur Young, Tengku Sulaiman Badrul Alam Syah adalah 'a weak effeminate and uneducated person'. Lihat, ibid.
9. Untuk keterangan lanjut mengenai kebangkitan Tuan Guru Haji Rahman Limbong lihat, Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Kekacauan dan Kebangkitan Terengganu, 1921-1928*, Tesis M.A, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.
10. Ibid.
11. Lihat Fasal I *Undang-Undang bagi Diri Negeri Terengganu* (1911).
12. Lihat *Akhbar Cahaya Timur* dlm. Wan Ramli Wan Mohamad, *Pengakuan Tengku Ali*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1993. Perlantikan Tengku Ali juga telah dilapor dalam Laporan Pejabat Perang British bertajuk: 'A Short Biographical Note on H.H. The Sultan Sulaiman Badaru 'Alam Shah ibni Al-Marhum Zainul'Abidin,

K.C.M.G' dlm. H.Q, Supreme Allied Commander, South-East Asia kpd. CIC, Allied Land Forces, South East Asia, 21 Julai 1945, WO 203/5282. Antara lain laporan itu menyebut bahawa:

There is also a reference to his having been succeeded by his eldest son Ali which would tend to confirm his death'.

13. Lihat, Wan Ramli, op. cit. hal. 20.

14. Ibid.

15. Ibid

16. Tengku Ali dilahirkan pada 24 Januari 1915 di Istana Maziah.

17. Lihat, Laporan Brigadier H.C. Willan: Trengganu, CO 537/2138; Wan Ramli, op. cit.

18. Laporan Brigadier H.C. Willan, op. cit. Laporan itu bagaimanapun tidak menyebut sebab-sebab mengapa pembesar-pembesar tersebut menentang perlantikan Tengku Ali sebagai Sultan kecuali dikatakan Tengku Ali mempunyai beberapa 'disabilities'. Mengikut satu sumber. Dato Jaya Perkasa memang kurang senang terhadap Tengku Ali sejak dari awal lagi. Ceritanya adalah seperti berikut:

Pada tahun 1939 juga Tengku Ali melaporkan diri sebagai pelatih pegawai di Pejabat Kastam. Dato Jaya hanya memberikan sebuah kerusi dan meja kepada Tengku Ali. Tidak ada sebarang kerja yang diarahkan oleh Dato Jaya supaya dilakukan oleh Tengku Ali.

Saban hari ada saja fail yang dilonggokkan di atas meja Tengku Ali itu. Juga tanpa sebarang arahan khusus. Akhirnya fail-fail itu bertimbun. Saban hari juga Tengku Ali hanya datang ke pejabat dan mengadapfail-fail berkenaan...Dato Jaya berbuat sedemikian semata-mata untuk menimbulkan rasa bosan kepada Tengku Ali (tanpa sebarang pekerjaan khusus) lalu meninggalkan pekerjaan di pejabat Kastam itu'.

Lihat makalah 'Ku Yik dedah punca Kejatuhan Tengku Ali', dlm. *Mingguan Tempo, Ahad*, 18 April 1993.

19. Laporan Brigadier H.C. Willan, op. cit..

20. Ibid.

21. Nik Anuar Nik Mahmud, 'Kelantan di bawah Pentadbiran Tentera Jepun dan Pentadbiran Tentera Thai, 1941-1945: Satu Kajian Sepintas Lalu', dlm. Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan, Kuala Lumpur, 1978.

22. Major-General H.R. Hone, Report on the British Military Administration of Malaya, September 1945 to March 1946, Kuala Lumpur, 1946, hlm. 201.

23. Memorandum oleh Hone, 'Constitutional Reconstruction in Malaya', t.t, CO 825/35; dan 'Post War Constitutional Arrangements for Mainland of Malaya', 28 Julai 1943, CO 825/35.

24. Ibid.

25. Lihat surat Pejabat Perang kpd. CIC, ALFSEA, 21 Julai 1945, bertajuk: Initial Relations with Malay Sultans on the Liberation of Malaya'. WO203/5782.

26. Ibid

27. Lihat Laporan Brigadier H.C. Willan, op. cit.

28. Tengku Musa-eddin telah disingkir sebagai Sultan Selangor dan kemudiannya telah dibuang ke Pulau Cocos. Tengku Musa-eddin adalah bekas Raja Muda Selangor tetapi telah dilucutkan jawatannya atas desakan pihak berkuasa British atas alasan mempunyai perilaku buruk. Lihat Yeo Kim Wah, 'The Selangor Succession Dispute,



1933-38', *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 2, No. 2, September 1971, hlm. 169-84; lihat juga WO 203/5613 dan CO 537/1585.

29. Syed Hamzah telah menjadi Raja Perlis berikutan dengankemangkatan Syed Alwi, Raja Perlis, pada 2 Februari 1943. Beliau telah dilantik oleh pihak berkuasa Jepun menjadi Raja mengambil tempat Syed Putra, Raja Muda. Syed Putra telah dilucutkan jawatannya sebagai Raja Muda pada awal Januari 1942. Untuk keterangan lanjut, lihat CO 537/1586.

30. Lihat Laporan Brigadier H.C. Willan, op. cit.

31. Ibid.

32. Ibid.

33. Ibid.

34. Ibid.

35. Ibid

36. Ibid

37. Ibid. Tengku Ali bagaimanapun mempersoal kesahihan dakwaan Dato Jaya Perkasa terhadap dirinya yang kononnya pro-Jepun itu. Berikut ialah kenyataan Tengku Ali berhubung dengan perkara tersebut:

Semasa menjadi Sultan, orang kata saya memerintah dengan zalim. Betul ke? Zalim macam mana? Menyeksa rakyat? Rampas harta benda rakyat? kerabat dan peluk anak dan anak dara orang? Macam tu?

Saya dituduh zalim. Saya difitnah. Tuduhan dan fitnah itulah yang ditulis di dalam dia buah buku sejarah tentang negeri Terengganu ini. Benda-benda itulah yang orang percaya hingga hari ini.

Semua ini datang daripada pembesar-pembesar di sekeliling saya pada ketika itu. Semasa pemerintahan Almarhum Sultan Sulaiman, mereka ini cukup mewah. Selain daripada gaji dan elaun, setiap bulan mereka menerima imbuhan dan habuan tertentu. Tetapi, apabila saya menaiki tahta, segala imbuhan dan habuan itu saya hentikan. Wang yang sebelum ini dibelanjakan dengan banyak untuk pembesar-pembesar, saya gunakan untuk membuat jamuan. Saya menjamu rakyat. Itu sebabnya pembesar-pembesar marah. lalu saya difitnah dan dimusnahkan. Hingga hari ini, tidak diketahui dengan jelas, apakah punca sebenar saya dianggap 'tidak layak' oleh kalangan istana dan pembesar-pembesar Terengganu untuk meneruskan takhta Kesultanan Melayu Terengganu'.

Lihat, Wan Ramli, op.cit. hal. 71-72.

38. Wan Ramli, op. cit. hal.48.

39. Lihat Laporan Brigadier H.C. Willan, op. cit.

40. Ibid.

41. Ibid

42. Wan Ramli, op. cit. hal. 48.

43. Sir Harold MacMichael adalah wakil khas kerajaan British yang diutus untuk mengadakan rundingan dengan Raja-Raja Melayu mengenai Rancangan Malayan Union. Untuk keterangan lanjut sila rujuk, Albert Lau, op. cit; S.C. Smith, *British Relations with the Malay Rulers, 1930-1957*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1995.

44. H.Q. B.M.A kpd. War Office, 10 November 1945, CO 537/1591.

45. Ibid.

46. Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan kpd. H.Q B.M.A, 15 November 1945, CO 537/

1591.

47. Wan Ramli, op. cit.

48. Lihat Laporan T.A. Newbould:Notes of Interview Between Brigadier A.T. Newbould and His Highness The Sultan Elect of Trengganu and Leading Malay Notables on 20th December at the Astana Mazia, dlm. CO 5237/2138.

49. Undang-Undang bagi Diri negeri Terengganu(1911).

50. Lihat Laporan T.A.Newbould, op. cit.

51. Ibid.

52. Ibid.

53. The Times, 27 Disember 1945 dlm. Co 537/2138.

54. Sultan of Terengganu kpd. A.T.Newbould, 3 Mac 1946, CO 537/1552.

55. Telegram Tengku Ali kpd. Setiausaha Tanah Jajahan British, 25 Mac 1946, CO 537/2138.

56. Lihat Petisyen Sultan Ali of Terengganu: Supplement to Petition Dated 15.12.47 dlm. CO537/2138.

57. Ibid.

58. Ibid.

59. Ibid.

60. Lihat Telegram Tengku Ali kpd. Setiausaha Tanah Jajahan British, 13 Disember 1947 dlm. CO 537/2138.

61. Lihat Telegram Tengku Rashid kpd. Setiausaha Tanah Jajahan British, 14 Disember 1947 dlm. CO 537/2138.

62. Lihat telegram Tengku Ampuan Meriam kpd Setiausaha Tanah Jajahan British, 14 Disember 1947 dlm. CO 537/2138.

63. Minit oleh O.H. Morris, 22 Disember 1947 dlm. CO 537/2138.

64. A.Creech Jones kpd. Sir Edward Gent, 31 Disember 1947, CO 537/2138.

65. Lihat Wan Ramli, op. cit. hal.55.

66. Ibid.

67. Ibid.

68. Lihat Lord Mountbatten kpd. CIC, ALFSEA, 21 Julai 1945, WO 203/5782.

69. Wan Ramli. op.cit.hal. 53